

Usah tangguh pelaksanaan projek pembinaan

Kuala Lumpur: Projek pembangunan Pasar Datuk Keramat yang baharu, tidak wajar dibiarkan terus tertangguh hingga senasib Pasar Raja Bot di ibu kota ini, sekali gus dikhuatiri menjejaskan rezeki peniaga kecil tempatan.

Bekas Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, menyuarakan kebimbangan itu ekoran projek pembangunan pasar terbabit masih tertangguh hingga kini.

Katanya, beliau difahamkan tanah di mana pasar terbabit terletak masih atas nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sekali gus mengakibatkan pelaksanaan projek itu tertangguh begitu lama.

Katanya, kelewatan yang berlaku susulan tanah yang dijual

oleh DBKL kepada syarikat pemaju belum dibayar sepenuhnya.

Justeru, kerja membangunkan semula pasar berkenaan yang uzur perlu dibuat segera, bukan sahaja untuk kebaikan peniaga, malah bagi menjamin keselesaan pengunjung ke situ.

Jejas perniagaan

“Bagi saya pasar sedia ada ketika ini sudah terlalu uzur. Ia perlu dibangunkan semula supaya lebih selamat, bersih serta selesa dikunjungi orang ramai.

“Ia menjejaskan perniagaan mereka sehingga kini. Mereka yang berniaga di situ mempunyai pembeli atau pengunjung tetap yang datang ke pasar begitu lama.

“Jika lewat disiapkan seperti

yang berlaku terhadap Pasar Raja Bot, ia akan menjejaskan pendapatan mereka,” katanya kepada *BH* semalam.

Johari yang juga bekas Menteri Kewangan II, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memainkan peranan dengan mengadakan sesi libat urus

secara berterusan dengan peniaga selaku pemegang taruh.

Katanya, wakil rakyat juga memainkan peranan sewajarnya demi menyelesaikan isu berbangkit antara peniaga dengan pemaju.

“Saya rasa libat urus di antara pemaju, DBKL dan peniaga agak kurang. Banyak kerosakan yang

berlaku tidak dibaik pulih secepat mungkin. Kemudahan tandas juga tidak diselenggara dengan baik. Kebersihan juga menjadi faktor pasar ini kelihatan tidak terurus

“Tiada perhatian khusus diberikan wakil rakyat untuk memastikan isu berbangkit dengan pemaju tidak diselesaikan oleh DBKL. Ia berlarutan begitu lama sejak tanah tapak pasar terbabit dijual kepada pemaju.

“Sepatutnya apabila tanah yang dijual gagal dibayar, DBKL sewajarnya membatalkan perjanjian ini. Cari pemaju lebih berwibawa, mempunyai kedudukan kewangan kukuh bagi memastikan pasar yang akan dibangunkan ini tidak senasib Pasar Raja Bot yang sudah 10 tahun tidak siap-siap,” katanya.

“Bagi saya pasar sedia ada ketika ini sudah terlalu uzur. Ia perlu dibangunkan semula supaya lebih selamat, bersih serta selesa dikunjungi orang ramai”

Johari Abdul Ghani,
Bekas Ahli Parlimen Titiwangsa

